

Pesilat negara asah diri lebih lama di Eropah

BERITA HARIAN, 29 January 2005, Page 26

Article also available on Microfilm Reel NL28045

Printer-Friendly Page

Pesilat negara asah diri lebih lama di Eropah

**Bakal uji
kemahiran
di Perancis,
Switzerland
dan Belgium**

SILAT oleh **Yusoff A. Rahman**

KALI ini, pesilat-pesilat Singapura akan berada lebih lama di Eropah.

Setelah bertarung dalam Kejujutan Silat Antarabangsa Pertama Perancis di Paris dari 23 hingga 29 Mac, rombongan Singapura akan berada di Switzerland sebelum bertempur dalam Kejujutan Terbuka Belgium dari 8 hingga 10 April.

"Dengan terus berada di Eropah, kami boleh menjimatkan perbelanjaan dari segi tiket kapal terbang," kata Sheik.

Beliau kemudian menarik perhatian bahawa bekas jurulatih wanita Singapura, Badriah Hosni, yang kini menetap di Switzerland, akan menguruskan penginapan para pesilat negara semasa di Geneva nanti.

Ini dinyatakan oleh Pengarah Teknikal Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheik Alauddin Yacoob.

Beliau menarik perhatian bahawa penyertaan dalam dua kejujutan itu merupakan sebahagian persiapan Singapura menghadapi Sukan SEA Manila pada Disember nanti.

Mengenai bilangan pesilat yang akan dibawa ke Eropah, Sheik berkata:

reka ialah Yusoff Shah Khamarudin, Imran Abdul Rahman dan Saiedah Said.

"Kami merancang membawa lapan pesilat dengan kesemuanya untuk acara tanding."

Ketiga-tiga Yusoff, Imran dan Saiedah telah mengharumkan nama negara dengan menjuarai Kejohanan Sedunia di sini baru-baru ini.

Selain dua kejohanan itu, Sheik memberitahu pihaknya juga telah mengatur dua lagi lawatan ke luar negara.

"Namun, ia adalah ujian pemilihan skuad negara. Kami merancang mengadakan ujian dengan menentang pesilat Vietnam dan kemudian ke Malaysia.

"Oleh kerana Vietnam kini menjadi gergasi dalam sukan silat, maka latihan ujian di negara itu akan memberikan gambaran tentang kekuatan skuad negara menjelang menghadapi Sukan SEA Manila nanti.


"Lebih-lebih lagi, Vietnam akan menjadi penghalang utama kami dalam persaingan memungut pingat emas," kata Sheik.

Mengenai ujian di Malaysia pula, Sheik berkata latihan ujian akan diadakan di lapan negeri di Malaysia.

"Kami akan menaiki bas ke Malaysia. Ini bermakna kami akan mengadakan ujian latihan dari satu negeri ke satu negeri," jelas Sheik sambil memberitahu bahawa latihan skuad nasional akan diteruskan Isnin ini.

Beliau tidak lupa menyebut bahawa para pesilat negara juga berpeluang menguji kebolehan masing-masing dengan menyertai pra-Sukan SEA yang akan diadakan di Manila pada September.

"Sejauh ini, kedudukan tiga pesilat sudah terjamin. Me-



SAH KE EROPAH: Imran Abdul Rahman (gambar utama), Yusoff Shah Khamarudin dan Saiedah Said (gambar sisipan) antara lapan pesilat yang dirancang akan dibawa ke Eropah untuk bertanding. foto-foto fail